# PERMOHONAN LESEN ANJING SECARA ONLINE

1. Layari ke laman sesawang edog.dbkl.gov.my
2. Daftar akaun bagi pengguna kali pertama
3. Lengkapkan butiran diri dan alamat
4. Isi maklumat anjing yang ingin dipelihara
5. Setiap permohonan anjing, perlu disertakan bersama :-
   - Surat kebenaran daripada pihak pengurusan kediaman Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) untuk memelihara haiwan di rumah pemilik.
   - Bil utiliti (air/ elektrik/ cukai pintu) yang beralamat sama seperti alamat dalam borang permohonan.
   - Dokumen yang menunjukkan keluasan rumah (pelan rumah/perjanjian jual beli).
   - Surat daripada Doktor Veterinar yang memberi maklumat berkaitan baka/jenis anjing.
   - Sijil kursus pengendalian anjing terhadap pemilik anjing (untuk permohonan anjing terkawal).
   - Sijil kursus canine good citizen (untuk permohonan anjing terkawal).
6. Hantar permohonan
7. Permohonan akan diproses dalam masa tujuh (7) hari bekerja

# KADAR BAYARAN PELESENAN ANJING

| BIL | KATEGORI ANJING | MANDUL / DIKASIKAN | FI (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Setiap anjing (selain anjing terkawal dan anjing kecil) | ✗ | 60 |
| 2 | Anjing terkawal | ✗ | 60 |
| 3 | Anjing terkawal | ✓ | 40 |
| 4 | Anjing kecil | ✗ | 40 |
| 5 | Anjing kecil | ✓ | 20 |

*** Fi bayaran termasuk harga caj pengurusan



# KATEGORI ANJING



## ANJING KECIL

- ✓ DIBENARKAN LESEN
- ✗ KURSUS PENGENDALIAN ANJING
- ✗ CANINE GOOD CITIZEN



## ANJING TERKAWAL

- ✓ DIBENARKAN LESEN
- ✓ KURSUS PENGENDALIAN ANJING
- ✓ CANINE GOOD CITIZEN



## ANJING TERLARANG

- ✗ DIBENARKAN LESEN

# TANGGUNGJAWAB PEMILIK ANJING

1) Anjing yang dipelihara tidak boleh menimbulkan masalah / kacau ganggu atau mewujudkan sebarang gangguan kepada penghuni lain.



2) Anjing yang dipelihara tidak dibenarkan untuk kencing atau membuang najis di kawasan awam.



## Contoh kacau ganggu adalah seperti :-

Anjing yang dipelihara melakukan / menyebabkan kerosakan harta benda awam atau kecederaan kepada penduduk di bangunan kediaman tersebut.



Anjing yang dipelihara membuat bising secara berterusan (siang atau malam) dan menimbulkan masalah kacau ganggu bunyi bising kepada penduduk setempat .



Anjing yang dipelihara dibiarkan berkeliaran bebas tanpa pengawasan pemilik setiap masa.



Anjing yang dipelihara mempamerkan tingkah laku yang agresif atau berbahaya kepada orang awam.



Anjing yang dipelihara mesti berada di dalam unit/ premis/ bangunan pemilik dan tidak dibenarkan berkeliaran bebas.



Anjing yang dibawa berkeliaran perlu dipastikan memakai penutup mulut setiap masa



# LESEN ANJING e-DOG

Di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2011, 3. (1) Tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara seekor anjing melainkan jika anjing itu dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.



Unit Kawalan Pest
**Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar**
**Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

No. Tel: **03 9221 0419 / 03 - 9221 0360**
e-mel: **unitkawalanpest@gmail.com**

# PEMELIHARAAN ANJING DI BANGUNAN KEDIAMAN BERTINGKAT

## ( SEPERTI DI KONDO ATAU APARTMENT )

Dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing Dan Rumah Pembiakan Anjing ( Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ) ( Pindaan ) 2011, UUK 8A " Anjing kecil di flat" Datuk Bandar boleh membenarkan seekor anjing kecil dipelihara, dilindungi atau disenggara di suatu flat.

Dibawah UUK 2 ( b ) - anjing kecil ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam JADUAL II :

- Minature Pinscher
- Japanese Chin
- Bichon Frise
- Maltese
- Pekingese
- Pomeranian
- Papilon
- Chihuahua
- Poodle (Toy)

Permohonan untuk lesen anjing kecil hendaklah disertakan bersama surat persetujuan daripada Joint Management Body ( JMB ) atau Management Corporation ( MC ) semasa memohon lesen.





MINIATURE PINSCHER



BRICHON FRISE



PAPILLON



PEKINGESE



POODLE (TOY)



MALTESE



JAPANESE CHIN



POMERANEAN



CHIHUAHUA

# ANJING TERKAWAL

Di bawah UUK 3 (2) - suatu permohonan bagi suatu lesen: (c) dalam hal anjing terkawal, hendaklah dibuat selepas: pemohon telah mengikuti dan lulus kursus pengendalian anjing dan anjing itu telah mengikuti dan lulus kursus "*Canine Good Citizen*" yang dianjurkan oleh mana-mana badan yang diluluskan oleh Datuk Bandar

Dibawah UUK 2 ( c ) – anjing terkawal ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam JADUAL IV

- Rottweiller
- Doberman
- German Shepard / Alsatian termasuk Belgian Shepard dan East European Shepard
- Bull Mastiff
- Bull Terrier
- Perro de Presa Canario ( juga dikenali sebagai Canary Dog )





ROTTWEILLER



DOBERMAN



GERMAN SHEPARD



BULL MASTIFF



BULL TERRIER



PERRO DE PRESA CANARIO (CANARY DOG)

# ANJING TERLARANG

Dibawah UUK 8B ( 1 ), tiada seorang pun boleh mempunyai, memelihara, melindungi atau menyenggara mana-mana anjing terlarang.

Undang – Undang kecil 2 ( d ) – anjing terlarang ertinya mana-mana anjing sebagaimana yang dinyatakan dalam JADUAL III

- Pit Bull Terrier / Pit Bull ( juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Stafford Bull Terrier )
- American Bulldog
- Neapolitan Mastiff
- Japanese Tosa
- Akita
- Dogo Argentino
- Fila Braziliero



AMERICAN BULLDOG



NEAPOLITAN MASTIFF



DOGO ARGENTINO



JAPANESE TOSA



AMERICAN PITT BULL TERRIER



FILA BRAZILIERO



STAFFORD BULL TERRIER



AKITA